

# ANALISIS LITERATUR TENTANG CABARAN PELAKSANAAN HAK PENDIDIKAN INKLUSIF KANAK-KANAK ORANG KURANG UPAYA (OKU) MENURUT SYARAK DAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

*(A Literature Review of the Challenges in Implementing the Right to Inclusive Education for Children with Disabilities (PwD) from the Perspectives of Islamic Law and Malaysian Law)*

Nurul Farhanah Syazwani Mohd Zaki<sup>1</sup>  
P153393@siswa.ukm.edu.my

Zaini Nasohah<sup>2</sup>  
zbn@ukm.edu.my

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.<sup>1&2</sup>

Pengarang koresponden (Corresponding author):<sup>2</sup>

Rujukan makalah ini (To cite this article): Nurul Farhanah Syazwani Mohd. Zaki, & Zaini Nasohah. (2026). Analisis literatur tentang cabaran pelaksanaan hak pendidikan inklusif kanak-kanak orang kurang upaya (OKU) menurut syarak dan undang-undang di Malaysia *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 38(2), 369–396. [https://doi.org/10.37052/kanun.38\(2\)no7](https://doi.org/10.37052/kanun.38(2)no7)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda  
(This article has undergone a double-blind peer review process)

|                       |          |                     |           |                      |           |                                           |           |
|-----------------------|----------|---------------------|-----------|----------------------|-----------|-------------------------------------------|-----------|
| Peroleh:<br>Received: | 7/5/2026 | Semakan:<br>Revised | 20/7/2026 | Terima:<br>Accepted: | 24/7/2026 | Terbit dalam talian:<br>Published online: | 31/7/2026 |
|-----------------------|----------|---------------------|-----------|----------------------|-----------|-------------------------------------------|-----------|

## Abstrak

Isu pendidikan inklusif dalam kalangan kanak-kanak orang kurang upaya (OKU) merupakan isu yang amat relevan dalam landskap pendidikan di Malaysia. Islam juga mengambil berat terhadap pendidikan kanak-kanak ini, khususnya bagi golongan OKU. Hal ini dikatakan demikian kerana pendidikan bukan sekadar hak sivil, tetapi juga tuntutan agama dan bentuk tanggungjawab atau taklif yang perlu dilaksanakan oleh masyarakat dan negara. Namun begitu, perbincangan mengenai cabaran hak pendidikan inklusif ini masih kurang

dibincangkan jika dilihat daripada beberapa aspek. Oleh itu, pengkaji mengetengahkan analisis sorotan literatur yang berkaitan dengan cabaran pelaksanaan hak pendidikan inklusif kanak-kanak OKU menurut syarak dan undang-undang di Malaysia. Pendekatan analisis kandungan secara komprehensif digunakan bagi meneliti kelemahan struktur perundangan sedia ada berdasarkan perspektif syarak, khususnya dari aspek siyasah syariah, bagi memastikan dasar pendidikan yang dibentuk bukan sekadar bersifat retorik, sebaliknya berpaksikan keadilan yang substantif. Hasil kajian mendapati bahawa cabaran pelaksanaan pendidikan inklusif bagi kanak-kanak OKU merangkumi ketidakselarasan dasar dan infrastruktur, kelemahan peranan pemegang taruh, tahap kesedaran masyarakat, kekurangan latihan tenaga pengajar dan jurang perundangan sivil. Jurang tersebut termasuklah ketiadaan kewajipan statutori sekolah swasta, yang dilihat sebagai *jahalalah* yang bercanggah dengan prinsip maqasid syariah dan *karamah insaniah*. Kajian ini penting kerana mengintegrasikan perspektif antara undang-undang sivil dengan undang-undang syarak yang jarang-jarang dibincangkan bersama-sama, sekali gus menyediakan asas bukti bagi penambahbaikan dasar dan pelaksanaan pendidikan inklusif bagi kanak-kanak OKU di Malaysia.

Kata kunci: Pendidikan inklusif, murid berkeperluan khas, perspektif syariah, hak pendidikan, cabaran pelaksanaan, perundangan Malaysia

### ***Abstract***

*Inclusive education for children with disabilities is a highly relevant issue within Malaysia's educational landscape. Islam also places considerable emphasis on the education of children, particularly those with disabilities, because education is not merely a civil right but also a religious obligation and a form of responsibility, or taklif, that must be fulfilled by society and the state. Nevertheless, discussions on the challenges involving the right to inclusive education right remains limited, particularly when examined through an integrated perspective of Islamic law and civil law. Accordingly, this study presents a literature review pertaining to the challenges in implementing the right to inclusive education for children with disabilities from the perspectives of Islamic law and Malaysian law. A comprehensive content analysis approach is employed to examine weaknesses in the existing legal framework through the concepts Siyasah Syar'iyah, to ensure that educational policies are not merely rhetorical, but are grounded in substantive justice. The findings indicate that the challenges in implementing inclusive education for children with disabilities include*

*inconsistencies in policies and infrastructure, weaknesses in the fulfilment of stakeholders' roles, limited public awareness, inadequate teacher training, and gap in civil law. These legal gaps include the absence of a statutory obligation requiring private schools to provide inclusive education. This situation may be regarded as a form of jahalah that is inconsistent with the principles of maqasid al-shariah and Karamah Insaniah. This study is significant because it integrates the perspectives of civil law and Islamic law, which are rarely examined together, thereby providing an evidence base for improving policies and the implementation of inclusive education for children with disabilities in Malaysia.*

*Keywords: Inclusive education, special needs students, syariah perspective, right to education, implementation challenges, Malaysian law*

## PENDAHULUAN

Matlamat 4 dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) menyasarkan pencapaian pendidikan berkualiti untuk semua menjelang tahun 2030. Malaysia sebagai sebuah negara yang komited turut meratifikasikan Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (Convention on the Rights of Persons with Disabilities, CRPD) dan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (Convention on the Rights of the Child, CRC). Bagi menjamin mutu pendidikan negara, kerajaan komited untuk memperjuangkan Dasar Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Isu pendidikan inklusif bagi kanak-kanak OKU kekal menjadi isu yang kritikal dan relevan dalam landskap pendidikan Malaysia. Pelaksanaan pendidikan inklusif ini selari dengan konsep hak asasi manusia yang diperjuangkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menerusi CRPD dan CRC, iaitu hak pendidikan untuk semua.

Secara umum, program pendidikan inklusif ini terdiri daripada dua pendekatan inklusif, iaitu inklusif separa dan inklusif penuh. Bagi inklusif penuh, murid berkeperluan khas yang terpilih akan bersama-sama dengan murid arus perdana secara sepenuh masa dan mengikuti pembelajaran akademik yang bersesuaian. Bagi inklusif separa, Murid Berkeperluan Khas (MBK) akan belajar dalam kelas arus perdana sekurang-kurangnya satu mata pelajaran. Bagi bukan akademik pula, pelibatan dilihat daripada pelaksanaan aktiviti kokurikulum dan sosialisasi (Bahagian Pendidikan Khas, 2018). Meskipun secara dasarnya, program ini seakan-akan berada pada tahap terbaik dan mudah dilaksanakan, hakikatnya, pelaksanaan ini masih menghadapi cabaran yang signifikan.

Cabaran pelaksanaan pendidikan inklusif OKU ini dapat dilihat daripada tiga aspek utama, iaitu cabaran perundangan, cabaran sosial dan operasi, serta kelompangan perspektif syarak. Antara cabaran dari aspek perundangan termasuklah pertikaian mengenai pelaksanaan pendidikan inklusif dalam sektor pendidikan swasta. Meskipun Akta Pendidikan 1996 memberikan ruang kepada semua sektor pendidikan untuk menerima pendaftaran murid, obligasi sekolah swasta untuk menyediakan kemudahan pendidikan khas masih berada dalam keadaan yang samar. Hal ini dibuktikan menerusi ketiadaan peruntukan mandatori sebagaimana yang dinyatakan di bawah Bab 8 (Pendidikan Khas) Seksyen 40, Akta Pendidikan 1996 yang menetapkan bahawa:

40- Menteri hendaklah mengadakan pendidikan khas di sekolah khas yang ditubuhkan di bawah perenggan 34(1)(b) atau di mana-mana sekolah rendah atau menengah yang difikirkan oleh Menteri suai manfaat.

Penggunaan kata "Menteri hendaklah" merupakan satu kewajipan statutori yang hanya mengikat pihak kerajaan. Sebaliknya, klausa yang menekankan keperluan mandatori bagi institusi pendidikan swasta tidak dinyatakan meskipun dalam akta yang sama. Menerusi Bahagian 7 (Institusi Pendidikan Swasta), kerajaan menetapkan peranan dan kewajipan institusi pendidikan swasta untuk mematuhi Kurikulum Kebangsaan dan kuasa menteri untuk membuat peraturan bagi menjaga taraf sekolah swasta sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 76 Akta Pendidikan 1996. Malangnya, kuasa ini tidak digunakan sebaik-baiknya untuk mewajibkan penyediaan kemudahan murid khas di sekolah swasta biasa.

Hal ini jelas menunjukkan suatu bentuk kelompangan dari segi penguatkuasaan capaian pendidikan inklusif sektor swasta. Selain itu, ketiadaan akta antidiskriminasi OKU yang khusus sebagaimana yang dinyatakan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) (2020) bagi menyeimbangi Akta Pendidikan 1996 dilihat sebagai penghalang utama yang menyekat capaian penuh kanak-kanak OKU ke kelas inklusif.

Selain isu perundangan, cabaran turut berlaku dari aspek sosial dan operasi pelaksanaan. Cabaran ini menyebabkan masalah lain, seperti kekurangan kesedaran pemegang taruh dan cabaran sosial, seperti infrastruktur dan masyarakat. Masalah ini secara jelas mewujudkan persoalan tentang kemampuan tahap perundangan sedia ada untuk memelihara hak kanak-kanak OKU yang layak dan mahukan pendidikan inklusif ini.

Di samping cabaran perundangan dan sosial tersebut, turut wujud cabaran dari sudut perspektif syarak. Menurut perspektif Islam, Islam

melihat setiap individu secara sama rata, iaitu tidak melihat keupayaan fizikal atau mental semata-mata.

Dalam Islam, *al-musawah* (kesamarataan) bukanlah memberikan benda yang sama kepada semua orang, tetapi memberikan keperluannya untuk mencapai keadilan. Hal ini asas pendidikan inklusif. Hak pendidikan bagi setiap individu, khususnya kanak-kanak OKU, merupakan sebahagian daripada tuntutan agama. Dalam agama ini, menuntut ilmu wajib bagi setiap umat Islam. Bahkan, menerusi ilmu yang pelbagai, barulah *karamah insaniah* (pemeliharaan maruah insan) dapat terjamin. Menerusi pendidikan yang menyeluruh dan inklusif, golongan OKU ini dihormati sebagai manusia yang mempunyai potensi dan nilai diri, bukannya beban masyarakat. Dalam konteks pelaksanaan pendidikan inklusif bagi kanak-kanak OKU, prinsip maqasid syariah berperanan penting dalam pembentukan dasar dan amalan pendidikan yang berteraskan nilai Islam (Khairul Effendi et al., 2022).

Menerusi kerangka Islam, pendidikan inklusif bukan sekadar suatu bentuk kebajikan, tetapi manifestasi bagi *hifz al-'aql* (pemeliharaan akal) dan *hifz al-nafs* (pemeliharaan nyawa). Apabila sistem pendidikan yang diperlukan untuk menyantuni keperluan murid berkeperluan khas ini gagal, hal ini dianggap sebagai pengabaian terhadap amanah ketaklifuhan yang ditetapkan oleh syarak (Ratnawati Mohd Asraf et al., 2026). Rentetan daripada itu, pemeliharaan maqasid ini tidak dikhususkan kepada individu tertentu atau ahli keluarga semata-mata. Islam meluaskan taklifuhan ini sebagai tanggungjawab dan amanah terhadap pemerintah (*waliy al-amr*) bagi memastikan setiap lapisan masyarakat memperoleh hak pendidikan yang sewajarnya menerusi kerangka siasah syariah demi menjamin kemaslahatan rakyat. Hal ini selaras dengan kaedah *tasarruf al-imam manutun bil maslahah*, iaitu segala tindakan dan ketetapan pemerintah mestilah terikat pada maslahah, yang menjadi kunci utama bagi memastikan kemaslahatan rakyat ditangani dengan sebaik-baiknya oleh kerajaan. Dalam konteks pendidikan inklusif, kaedah ini meletakkan kewajipan terhadap kerajaan untuk merangka dan melaksanakan dasar pendidikan yang mengambil kira keperluan kanak-kanak OKU sebagai sebahagian daripada masalah masyarakat secara keseluruhan. Penggubalan undang-undang, seperti Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan Akta Pendidikan 1996 menggambarkan usaha kerajaan untuk menyeimbangkan antara tuntutan sivil dengan tuntutan moral Islam bagi mewujudkan sistem pendidikan yang adil dan inklusif.

Jelasnya, pendidikan inklusif OKU bukan hanya kebajikan yang bersifat pilihan, namun satu tuntutan syarak yang jelas. Seseorang

itu berhak untuk mendapat pengiktirafan terhadap *karamah insaniah* yang memberikan tumpuan terhadap layanan sama rata menerusi prinsip kesamarataan. Prinsip ini berfungsi bagi memastikan hifz al-aql (pemeliharaan akal) dan hifz al-nafs (pemeliharaan nyawa) dapat dijamin sebaik-baiknya. Oleh hal yang demikian, kuasa siasah syariah menjadi instrumen utama menerusi pengaplikasian kaedah tasarruf *al-imam manutun bil maslahah* bagi menyediakan ekosistem pendidikan mesra OKU, khususnya dalam pendidikan inklusif demi masalah umum. Namun begitu, timbul persoalan tentang tahap literatur sedia ada dari aspek analisis cabaran pelaksanaan hak pendidikan inklusif kanak-kanak OKU di Malaysia secara tumpuan silang antara perspektif syarak dengan undang undang.

## KAJIAN LEPAS

Sorotan kajian lepas turut menunjukkan dapatan kajian yang sama merentasi tiga aspek ini, iaitu perundangan, sosial dan operasi, serta sudut syarak. Menerusi kajian lepas, kerangka statuori bagi pendidikan inklusif dari sudut perundangan didapati kurang memberikan perlindungan mandatori terhadap hak capaian pendidikan terhadap golongan kanak-kanak OKU secara khususnya. Menurut Muhammad Fikri Othman (2023), undang-undang sedia ada agak terpisah dalam beberapa akta dan peraturan sehingga mewujudkan beberapa lompong perundangan. Antaranya termasuklah dalam Perkara 8 dan Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 28 Akta Orang Kurang Upaya 2008 yang dilihat terlalu umum kerana tidak dijelaskan cara untuk memenuhi hak yang dinyatakan secara spesifik. Keadaan ini ditambah dengan Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, iaitu Peraturan 2 yang secara khusus mengehadkan pelaksanaannya kepada sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan, sekali gus mewujudkan persoalan, sama ada sektor swasta perlu mengaplikasikan pendidikan khas atau tidak. Ketidakjelasan ini disifatkan oleh Noor Afifah et al. (2023) sebagai “kawasan kelabu” (grey area) jika dibandingkan dengan perundangan di China yang lebih progresif.

Kegagalan perundangan sedia ada terbukti menerusi kajian kes mahkamah yang menjadi rujukan dalam makalah ini. Menerusi kes *Morgan Lanree Asing lwn. Marie Yong Pik Hua* [2024] MLJU 1516, mahkamah memutuskan bahawa sekolah swasta aliran perdana tidak mempunyai obligasi undang-undang untuk menerima murid OKU kerana tiada dalam Akta Pendidikan 1996. Selain itu, keputusan kes *Muhammad Adam Yusoff lwn. Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional* [2025] MLJU 3116

jelas menunjukkan kelemahan perlindungan kebajikan dan keselamatan murid berkeperluan khas di sekolah, khususnya dari aspek aduan buli yang berulang, tetapi tiada siasatan menyeluruh oleh pihak sekolah. Kedua-dua ini mengukuhkan kajian Muhammad Fikri Othman dan Nur Ezan Rahmat (2020), iaitu garis panduan sedia ada kurang berkesan kerana tidak mempunyai kuasa mandatori.

Seterusnya, perbincangan kajian dari sudut sosial dan operasi dapat dilihat melalui amalan. Dalam hal ini, Shadiya Mohamed Baqutayan et al. (2016) mendedahkan bahawa sistem pendidikan sering terlepas pandang terhadap golongan OKU kategori ringan, manakala Hazlina Abdullah et al. (2026) pula mendedahkan bahawa meskipun tahap kepuasan ibu bapa agak tinggi secara keseluruhannya, terdapat kebimbangan berterusan dalam aspek latihan guru, pelaksanaan Pelan Pendidikan Individu (IEP), infrastruktur dan ketidaksamaan kualiti perkhidmatan antara sekolah awam dengan sekolah swasta. Pada peringkat antarabangsa, Boumenad Hajira (2022) menekankan bahawa hak pendidikan OKU merupakan isu rentan yang dapat menyebabkan krisis sekiranya negara gagal melakukan penyelarasan munasabah (reasonable accommodation) dalam undang-undangnya.

Kajian diteruskan dengan melihat dari perspektif syarak. Bagi mengisi kelompongan yang ada pada undang-undang sivil, Shahidra Abdul Khalil (2022) menjelaskan bahawa siasah syariah memberikan suatu bentuk autoriti kepada pemimpin atau pemerintah, khususnya untuk melakukan suatu bentuk intervensi perundangan demi kemaslahatan rakyat. Awang Nib Zuhairi Awang Ahmad et al. (2022) menegaskan bahawa kewajipan mengurus dasar negara ialah amanah bagi pemimpin. Dalam hal ini, pemimpin perlu mengelakkan mafsadah atau kemudaratannya terhadap golongan rentan, khususnya kanak-kanak OKU, dalam bidang pendidikan. Oleh itu, menerusi prinsip *tasarruf al-imam manutun bil maslahah*, kegagalan penyediaan capaian inklusif merupakan suatu bentuk pelanggaran amanah bagi kepimpinan dalam Islam. Selain itu, Islam menekankan kaedah *masyaqqah tajlib al-taysir*, iaitu kesukaran membawa kemudahan. Menurut Mardia Mazri et al. (2024), beban dalam pelaksanaan tanggungjawab memerlukan rukhsah (keringanan).

Walaupun banyak kajian lepas yang membincangkan kepentingan hak pendidikan OKU, khususnya kanak-kanak, perbincangan yang mengintegrasikan antara peruntukan undang-undang sivil dengan perundangan Islam dalam konteks ini masih kurang. Oleh itu, pengkaji mengetengahkan analisis sorotan literatur yang berkaitan dengan cabaran pelaksanaan pendidikan inklusif kanak-kanak OKU menurut syarak dan undang-undang di Malaysia.

## METODOLOGI

Analisis ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan. Rujukan diperoleh daripada sumber primer dan sumber sekunder. Buku atau penulisan berautoriti, konvensyen antarabangsa yang diratifikasikan, serta statut perundangan merupakan sumber primer bagi kajian ini. Data sekunder diambil daripada buku ilmiah, jurnal, portal rasmi dan laman sesawang, sama ada bahasa Melayu, bahasa Inggeris atau bahasa Arab, yang berkaitan dengan hak pendidikan OKU dari sudut syariah. Artikel daripada badan bukan kerajaan juga digunakan sebagai sumber sekunder.

Proses analisis data melibatkan beberapa fasa. Fasa pertama ialah fasa pengumpulan dan penyaringan data. Setiap rujukan yang diperoleh ditapis menggunakan teknik analisis dokumen (Bowen, 2009) bagi memastikan maklumat yang relevan, khususnya dari segi hak pendidikan inklusif dan konsep syarak sahaja yang diambil kira. Rujukan yang diperoleh disaring dengan menggunakan teknik analisis dokumen bagi memastikan hanya maklumat yang relevan dengan hak pendidikan, khususnya pendidikan inklusif, diambil kira. Fasa kedua ialah fasa pengkategorian data mengikut klasifikasi tema tertentu. Tema yang dipilih ialah tema perundangan, syariah dan isu, seperti isu diskriminasi dan kekangan pelaksanaan. Bagi tujuan analisis ini, pengkaji memetakan dua prinsip daripada maqasid syariah, iaitu *hifz al-'aql* dan *hifz al-nafs* sebagai asas hak bagi pendidikan inklusif kanak-kanak OKU bersama-sama dengan doktrin *karamah insaniah* yang jelas melengkapkan tujuan bagi asas hak ini. Bagi melihat pemboleh ubah kewajipan tadbir urus pemerintah, kaedah yang digunakan ialah *tasarruf al-imam manutun bil maslahah*. Kaedah *masyaqqah tajlib al-taysir* dilihat sebagai pemboleh ubah operasi yang bertindak sebagai penyelaras munasabah dan infrastruktur. Kerangka ini diaplikasikan secara konsisten bagi menganalisis peruntukan undang-undang sivil dan kes mahkamah.

Seterusnya, teknik analisis tafsiran (interpretative analysis) dan teknik analisis kandungan (Krippendorff, 2004) digunakan secara mendalam. Sebagai contoh, bagi meneliti maksud tersurat sesuatu peruntukan undang-undang, analisis tekstual diaplikasikan dengan sebaik-baiknya. Bagi meneliti maksud tersirat, analisis kontekstual dilakukan bagi memperkaya pemahaman terhadap kaedah ini. Akhir sekali, kaedah triangulasi data (Denzin, 2017), titik persamaan atau lompong (lacuna) digunakan agar cadangan penyelesaian yang lebih holistik dapat diberikan.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Analisis ini merupakan sorotan terhadap kajian dan penulisan lepas yang berkaitan dengan cabaran pelaksanaan hak pendidikan inklusif bagi kanak-kanak OKU di Malaysia dari sudut pandang Islam dan pelaksanaannya di Malaysia. Pelaksanaan pendidikan inklusif dilihat masih belum mencapai tahap yang sewajarnya dan masih gagal untuk mencapai matlamat 30% penyertaan OKU dalam pendidikan arus perdana menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Selain itu, timbul isu diskriminasi terhadap pelajar OKU yang ingin menyertai kelas inklusif walaupun Dasar Sifar Penolakan telah diperkasa oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (SUHAKAM, 2022). Oleh itu, pengkaji menganalisis perbincangan mengenai hak kanak-kanak OKU terhadap pendidikan inklusif, pemahaman dan kesedaran pemegang taruh terhadap hak pendidikan bagi kanak-kanak OKU dan cabaran pelaksanaan pendidikan inklusif bagi golongan kanak-kanak OKU ini.

### **Hak Kanak-kanak dan Prinsip Syarak dalam Konteks Pendidikan Golongan Orang Kurang Upaya di Malaysia**

Hak pendidikan tanpa diskriminasi di Malaysia jelas berpaksikan doktrin kesamarataan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara. Menerusi Perkara 8(1), Perlembagaan Persekutuan, semua orang sama rata pada sisi undang-undang dan berhak untuk mendapatkan perlindungan yang sama rata. Bagi memastikan Perkara 8 ini tidak berdiri sendiri, Perkara 12(1) memberikan suatu bentuk perlindungan khusus kepada rakyat untuk mengelakkan diskriminasi dalam bidang pendidikan (Perlembagaan Persekutuan, 2010).

Filipe Couto (2026) menyatakan bahawa pengiktirafan hak pendidikan bagi OKU bergantung pada komitmen kerajaan untuk mematuhi perjanjian antarabangsa. Kerangka perlembagaan ini diperkukuh dengan komitmen Malaysia terhadap Konvensyen antarabangsa, khususnya menerusi Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC) 1989 yang memberikan penekanan terhadap kepentingan terbaik kanak-kanak (*best interest of the child*). Oleh itu, tanggungjawab dalam penyediaan hak kanak-kanak OKU bagi mengelakkan diskriminasi dalam pendidikan, latihan dan perkhidmatan dalam sesuatu industri pendidikan sewajarnya dilaksanakan dengan adilnya sebagaimana yang dinyatakan dalam *The Special Educational Needs and Disability Act (SENDA)* (2002).

Bagi memastikan hak kanak-kanak ini tidak bersifat retorik, Malaysia menggubal Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611). Akta ini berperanan

sebagai medium untuk memberikan perlindungan dan memelihara kesejahteraan kanak-kanak termasuklah dalam aspek pendidikan. Oleh itu, terdapat dua instrumen utama bagi memastikan kerangka perundangan pendidikan khas di Malaysia berada pada tahap yang baik, iaitu menerusi Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685). Perbincangan mengenai isu hak pendidikan OKU ini bukan sahaja memberikan penekanan terhadap pendidikan rendah dan pendidikan menengah, tetapi juga meliputi sehingga peringkat pendidikan tinggi. Bagi menjamin hak pendidikan inklusif OKU, kerajaan hendaklah mengadakan pendidikan khas di sekolah, sama ada sekolah khas atau mana-mana sekolah rendah atau sekolah menengah yang sesuai (Akta Pendidikan, 1996). Seksyen ini selari dengan Akta Orang Kurang Upaya 2008 menerusi Seksyen 28, iaitu memberikan capaian terhadap pendidikan. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat usaha untuk memelihara hak pendidikan OKU dari aspek perundangan di Malaysia.

Asas utama dalam hak asasi manusia menerusi konsep dalam Islam ialah pemeliharaan maruah insan atau *karamah insaniah* sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, iaitu *karamah insaniah* dapat membentuk adab, akhlak dan integriti individu (Saadiah Ismail, 2023). Antara kaedah yang membentuk *karamah insaniah* ini termasuklah pemilikan ilmu. Islam secara jelas menzahirkan bahawa tuntutan menuntut ilmu merupakan kewajipan bagi setiap umat Islam (Wikhdatur Khasanah, 2021). Menurut Dr. Muddathir ‘Abd Rahim (2014), hak asasi dalam tradisi Islam merupakan suatu struktur atau rangkaian sistem terperinci dari pelbagai aspek, seperti perundangan, etika dan agama, yang bersifat melengkapi, serta memelihara hak dan kewajiban individu sejak sebelum kehamilan sehinggalah kematian dan selepasnya. Oleh itu, tanggungjawab penyediaan pendidikan kepada semua orang, termasuklah golongan OKU, menjadi sebahagian daripada maqasid syariah (Al-Ghazali, 2013). Mohd Ramizu Abdullah @ Zakaria et al. (2025) menyokong pandangan ini dengan menegaskan bahawa Islam menggalakkan penyediaan peluang pendidikan yang adil dan setara. Penilaian tahap kemampuan kanak-kanak OKU untuk menuntut ilmu pula berdasarkan kemampuan akalunya sebagaimana yang dijelaskan oleh Syed Shahrizdan Syed Mohamed (2022).

Bagi memastikan hak ini terpelihara, Islam menerusi siasah syariah jelas menunjukkan bahawa kerajaan berperanan penting untuk memastikan hak golongan OKU kanak-kanak ini dipelihara menerusi dasar, peraturan dan polisi negara (Azman Ab Rahman, 2022). Laporan daripada Pertubuhan Kerjasama Islam (Organization of Islamic Cooperation, OIC) menegaskan bahawa tuntutan untuk memenuhi keperluan OKU, khususnya

kanak-kanak, bukan sekadar tuntutan hak asasi, tetapi tuntutan yang selari dengan prinsip maqasid syariah bagi memelihara kemaslahatan insan (SESRIC, 2019). Namun begitu, apabila terdapat kekaburan dalam perundangan, keadaan ini bertentangan dengan prinsip '*adalah*' (keadilan) dalam Islam. Oleh itu, pemerintah wajib untuk menghilangkan ketidakjelasan (*raf'* al jahalah) dalam undang-undang bagi memastikan hak golongan kanak-kanak OKU ini terpelihara. Sebagai contoh, menurut Zuliza Mohd Kusrin et al. (2023), ketidakjelasan untuk memahami keperluan spesifik murid, seperti autisme, menyebabkan kegagalan intervensi. Kegagalan ini sedikit sebanyak membuktikan bahawa wujud peruntukan yang bersifat kawasan kelabu dalam Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 yang memerlukan usaha *raf'* al-Jahalal (menghilangkan kejahilan) menerusi pindaan undang-undang yang lebih khusus.

Eris Risnawati dan M. Sunardi (2019) menggariskan tiga prinsip pendidikan inklusif dari perspektif Islam dan satu daripadanya ialah fitrah dan perkembangan potensi. Penggunaan kaedah fikah tertentu, seperti *al-masyaqaah tajlib al-taysir* (kesukaran membawa kepada kemudahan), membolehkan pihak kerajaan memastikan undang-undang yang kompleks diberikan kemudahan agar manfaatnya dapat dinikmati, khususnya oleh kanak-kanak OKU yang berpotensi dan mampu mengikuti kelas inklusif (Erwin Hari Kurniawan & Fitria Rizki. 2025). Hujahnya, pendidikan bertujuan untuk mengembangkan potensi individu mengikut kesesuaian kemampuan masing masing. Kedua, Islam mengakui perbezaan antara setiap individu dan menuntut umatnya untuk bersikap inklusif. Akhir sekali, ibu bapa dan masyarakat bertanggungjawab untuk memberikan pendidikan yang sesuai dengan keperluan kanak-kanak OKU.

Dengan berdasarkan analisis ini, timbul persoalan tentang tahap ilmu yang diajar sekadar yang termampu untuk dilakukan atau perlu memenuhi hak yang sewajarnya diketahui oleh setiap individu tanpa mengira tahap kemampuannya. Hal ini dikatakan demikian kerana OKU yang cacat fizikal mempunyai taklif yang sama seperti individu biasa. Dalam konteks ini, keadilan pelaksanaan program pendidikan inklusif di Malaysia masih menjadi tanda tanya. Oleh itu, pendidikan inklusif penting agar golongan ini dapat menunaikan tanggungjawabnya sesempurna mungkin, bukannya sekadar melepaskan syarat taklif.

### **Pemahaman dan Kesedaran Pemegang Taruh Mengenai Pendidikan Inklusif dan Hak Asasi Golongan Orang Kurang Upaya**

Mohd Izzudin Mohd Pisol et al. (2024) menunjukkan bahawa tahap pemahaman masyarakat Malaysia terhadap konsep pendidikan inklusif masih rendah, terutamanya di kawasan luar bandar. Hasil kajian ini

turut disokong oleh Edmund Chan et al. (2020) yang mendapati bahawa kurangnya pendedahan terhadap pendidikan inklusif dalam media massa menjadi punca bagi perkara ini. Menurut Norsaadah Din et al. (2019) pula kerjasama antara pihak berkepentingan perlu untuk meningkatkan penerimaan sosial. Namun begitu, terdapat jurang antara masyarakat, ibu bapa dan penggubal dasar bagi memastikan golongan kanak-kanak ini terbela dan mendapat manfaat sama seperti pelajar arus perdana yang lain.

Menurut Social Exclusion Unit (2003) dan Currie (2009), masalah sosial makin teruk disebabkan oleh ketidakseimbangan pengagihan infrastruktur di kawasan terpinggir atau kurang mendapat perkhidmatan. Hal ini memberikan gambaran visual tentang kurangnya kesedaran dalam pemeliharaan hak asasi golongan OKU bermula dari peringkat pendidikan di rumah. Menurut Muhammad Fikri Othman et al. (2022), ketiadaan sistem sokongan yang memadai menyebabkan ibu bapa terpaksa mengambil tanggungjawab penuh untuk memastikan anak mendapat pendidikan dan rawatan yang bersesuaian. Seterusnya, menurut Ocampo et al. (2019), terdapat jurang pengetahuan dalam kalangan penggubal dasar, guru dan pentadbir sekolah mengenai keperluan khas OKU. Kelemahan advokasi mencerminkan kelemahan dari sudut pelaksanaan siasah syariah. Hal ini menyukarkan untuk memenuhi tuntutan dalam CRC, khususnya bagi ibu bapa menerusi Perkara 18(1), iaitu ibu bapa memikul tanggungjawab utama terhadap didikan dan perkembangan anak, manakala negara pula bertanggungjawab untuk menyokong pelaksanaan tanggungjawab tersebut demi kepentingan terbaik kanak-kanak.

Jurang yang ada bukan sahaja memberikan kesan terhadap masa hadapan OKU ini, tetapi juga mendedahkannya kepada risiko jenayah. Apabila kurang kemahiran sosial dan tidak mampu mengawal emosi, OKU, khususnya OKU pembelajaran, berpotensi untuk mencederakan orang lain, sekali gus menyebabkan dirinya terdedah pada risiko jenayah (Zuliza Mohd Kusrin et al., 2021). Selain itu, pemahaman yang rendah terhadap CRPD juga menghalang usaha pemerkasaan hak pendidikan untuk OKU dalam kalangan pemegang taruh (Shamim Husna Sharizal et al., 2024). Situasi ini menunjukkan kepentingan pendidikan nilai dan pelibatan komuniti dalam pembentukan kesejahteraan sosial OKU supaya selari dengan prinsip *ta'dib* dan *hifz al-nafs* dalam Islam. Menerusi program pendidikan inklusif ini, aspek sosialisasi dan pelibatan dalam kurikulum turut menjadi indikator bagi memastikan matlamat program ini berjaya. Oleh itu, pemegang taruh perlu memastikan agar konsep ihsan dapat dirasai dan diaplikasikan sebaik-baik mungkin dalam kalangan kanak-kanak di sekolah.

Menerusi perbincangan ini, ibu bapa menjadi kunci utama bagi memastikan kemenjadian kanak-kanak. Pernyataan ini dikuatkan oleh Honu-Mensah et al. (2024) yang menyatakan bahawa penyertaan ibu bapa perlu untuk memastikan keperluan anak kurang upaya ini dipenuhi. Namun begitu, menurut Aizan Sofia Amin (2017) dan Nurul Anisah Jaafar (2021), banyak keluarga yang menghadapi kekurangan sumber dan sokongan luar, seperti kebajikan dan perkhidmatan komuniti. Bahkan, pada era digitalisasi ini, masih banyak ibu bapa yang belum mampu untuk memberikan gajet dan aplikasi yang bersesuaian kepada kanak-kanak OKU bagi meningkatkan pemahaman dan pengetahuannya, walaupun terdapat ilmu yang lebih mesra pengguna OKU yang memerlukan kebolehcapaian dan sokongan yang sesuai (Nur Afini Natrah Mohd Ashril et al., 2025). Namun begitu, bebanan ini tidak wajar ditanggung sepenuhnya oleh ibu bapa tanpa sebarang sistem sokongan. Sekiranya tanggungjawab ini diletakkan sepenuhnya kepada ibu bapa, perkara ini dikhuatiri dapat mengganggu institusi kekeluargaan.

Sewajarnya, tanggungjawab kerajaan bertanggungjawab untuk memberikan kemudahan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah *masyaqah tajlib al taysir* agar golongan OKU yang jelas berpotensi tidak ketinggalan. Hal ini selari dengan prinsip *tasarruf al-imam manutun bil maslahah* dalam siasah syariah. Islam amat tegas dalam hal yang berkaitan dengan amanah, khususnya dalam amanah kepimpinan.

Kerajaan sebagai “penjaga tertinggi” (wali al-akbar) bertanggungjawab untuk menyediakan bantuan agar ibu bapa tidak terbeban sehingga menjejaskan perkembangan anak tersebut. Hal ini jelas demi memelihara kepentingan terbaik kanak-kanak.

Analisis ini menunjukkan bahawa terdapat jurang yang signifikan bagi memahami dan menyedari kepentingan hak pendidikan inklusif bagi kanak-kanak OKU ini. Kajian sedia ada kurang menilai strategi advokasi yang berkesan untuk meningkatkan kerjasama antara ibu bapa, guru dan pihak berkuasa bagi mempromosikan penerimaan sosial, serta kesan langsung terhadap keberkesanan pelaksanaan pendidikan inklusif. Dalam konteks Islam, keadilan sosial (al-’adalah al-ijtimaiyyah) bukan sahaja meliputi persamaan hak, tetapi juga menuntut agar setiap individu diberikan apa-apa yang layak baginya berdasarkan keperluan dan kapasiti, termasuklah golongan OKU.

### **Cabaran Pelaksanaan Pendidikan Inklusif untuk Golongan OKU di Malaysia**

Menurut Hasnah Toran et al. (2016), terdapat pelbagai cabaran dalam pelaksanaan pendidikan inklusif, termasuklah dari aspek dasar, infrastruktur, kesedaran masyarakat dan latihan tenaga pengajar. Antara

cabaran yang paling besar termasuklah diskriminasi terhadap pelajar OKU. Menerusi laporan SUHAKAM, diskriminasi yang terjadi tidak selari dengan dasar sifar penolakan (Zero Reject Policy) yang diperkenalkan oleh KPM (SUHAKAM, 2022). Oleh itu, penafian hak ini wajib dihapuskan menggunakan kaedah fikah darar yuzal.

Cabaran pelaksanaan pendidikan inklusif ini bukan sahaja tertumpu pada sekolah kerajaan, tetapi juga institusi swasta. Menerusi Perkara 16 Akta Pendidikan 1996 perlu ada tiga kategori institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan, iaitu institusi pendidikan kerajaan, institusi pendidikan bantuan kerajaan dan institusi pendidikan swasta. Namun begitu, menerusi Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 dalam peraturan kedua pula, peraturan ini digunakan bagi sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan yang melaksanakan pendidikan khas. Akibatnya, dari sudut teknikal perundangan, sekolah swasta terlepas daripada kewajipan statutori untuk menyediakan kemudahan pendidikan khas atau melaksanakan Program Pendidikan Inklusif (PPI). Dalam hal ini, wujud diskriminasi dan konflik sekiranya pelajar yang berkelayakan untuk berada di kelas arus perdana ditolak di sekolah kerajaan dan sekolah swasta. Hal ini bercanggah dengan prinsip pendidikan sebagai hak sejagat yang termaktub dalam Konvensyen Hak Kanak-kanak PBB (CRC).

Selain itu, terdapat cabaran dasar, seperti ketiadaan item denda dalam Garis Panduan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Terdapat juga kelemahan dalam penyediaan indeks inklusif yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2023) dari aspek hukuman sekiranya berlaku diskriminasi atau kegagalan untuk mencapai indeks inklusif yang ditetapkan. Ketidakeragaman yang berlaku ini menjadi cabaran kerana hukuman terhadap ibu bapa atau guru yang menafikan hak anak OKU untuk menyertai pendidikan inklusif ini tidak jelas dan bergantung semata-mata pada budi bicara pihak sekolah. Bahkan, sesetengah sekolah lebih mementingkan meritokrasi yang kurang selaras dengan nilai Islam. Dalam hal ini, meritokrasi ialah sistem yang menggalakkan individu yang berkebolehan dipilih berdasarkan kebolehan, intelektual, prestasi atau pencapaian, bukannya kekayaan, latar belakang dan status sosioekonomi. Sistem ini melebarkan jurang pencapaian dan peluang, serta meminggirkan kumpulan rentan (Norazlinda Saad, 2007). Meritokrasi yang berasaskan prinsip bahawa semua orang diberi peluang yang sama dan ganjaran hanya diberikan kepada orang yang mempunyai merit atau pencapaian tertinggi, kurang sesuai digunakan. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar OKU yang menghadapi kekangan fizikal, kognitif atau sensori berbeza daripada

pelajar arus perdana. Sebagai contoh, pelajar cacat pelihatan memerlukan masa yang lebih lama untuk membaca teks Braille atau menggunakan perisian pembaca skrin, begitu juga kanak-kanak OKU yang mengalami masalah disleksia. Kanak-kanak ini sering dilabel sebagai bermasalah atau nakal kerana mempunyai kecerdasan yang hampir sama dengan kanak-kanak normal yang lain (Suzita Samsudin & Aliza Alias, 2021).

Seterusnya, kegagalan pemegang taruh untuk memahami hak kanak-kanak OKU dari perspektif Islam dan hak asasi sejagat berpotensi untuk menyebabkan krisis nilai secara tidak langsung. Sebahagian guru mengalami kesukaran untuk melaksanakan Program Pendidikan Inklusif kerana strategi pengajaran kanak-kanak berkeperluan pendidikan khas sama dengan murid arus perdana (Ainaa Hamdan et al., 2023). Sekiranya guru sukar untuk memahami hak golongan rentan ini, perkara ini memberikan kesan langsung terhadap emosi guru yang mengajar dan murid yang diajar (Nazrah Jamaludin & Kama Shaffeei, 2023). Bahkan, strategi pengajaran yang dilaksanakan secara sama rata antara murid berkeperluan pendidikan khas ini menjejaskan masalah kedua-dua pihak, khususnya dari aspek kesihatan mental dan kesejahteraan jiwa kedua-dua pihak. Hal ini secara tidak langsung bertentangan dengan prinsip *hifz al-nafs*. Apabila emosi murid OKU terjejas disebabkan oleh rasa rendah diri, perkara ini ialah pelanggaran *karamah insaniah* yang sepatutnya menjadi hak mutlak bagi setiap hamba Allah.

Dari segi sosial, pelajar OKU masih berhadapan dengan buli, stigma sosial yang berkaitan dengan kecacatan dan dipandang rendah. Nilai Islam, seperti menyantuni insan, dan nilai hak asasi sejagat yang memperjuangkan keadilan bagi orang yang lemah masih gagal dicapai secara keseluruhan kerana terdapat sistem “kilang gred” yang mengabaikan hak asasi manusia. Kenyataan ini dibuktikan oleh Maizatul Akmal Mohd Ranai (2025) yang menyatakan bahawa kerangka pendidikan piawai kerap meminggirkan pelajar dengan profil pembelajaran yang berbeza-beza sedangkan kanak-kanak yang mempunyai masalah disleksia tertinggal kerana kanak-kanak tersebut tidak belajar melalui buku teks semata-mata. Selain itu, Hazlin Falina Rosli et al. (2017) mendapati bahawa persepsi negatif terhadap kemampuan golongan OKU sering menyebabkan golongan ini berasa malu dan terpinggir disebabkan oleh kekurangan yang dialaminya. Hasil kajian ini sejajar dengan dapatan Nur Dayana Mohd Khalil et al. (2023) yang menunjukkan bahawa diskriminasi sosial sering berlaku disebabkan oleh kekurangan pengetahuan tentang potensi sebenar golongan OKU. Hal ini seakan-akan menutup potensi diri yang ada pada kanak-kanak dan bertentangan dengan ajaran Islam yang sememangnya

menggalakkan agar umatnya sentiasa dan giat mengembangkan diri agar dapat memberikan manfaat kepada dirinya dan orang lain.

Cabaran pelaksanaan pendidikan inklusif ini diteruskan dengan laporan UNESCO (2020) yang menunjukkan bahawa kekurangan tenaga pengajar yang terlatih adalah antara faktor utama yang menghalang pelaksanaannya secara berkesan. Bailey (2015) turut menyokong dapatan ini dengan menyatakan bahawa walaupun terdapat guru yang menerima latihan pembangunan profesional yang berkaitan dengan keperluan pendidikan khas, kurang kesepakatan mengenai pendidikan inklusif. Maryam Mardhiyah Zainudin dan M. Khalid M. Nasir (2026) mendapati bahawa guru pada peringkat awal kanak-kanak masih kekurangan latihan bagi mengendalikan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK). Kesannya, banyak ibu bapa yang memilih untuk melaksanakan persekolahan di rumah (home schooling) pada peringkat awal kanak-kanak. Kesannya, kanak-kanak sukar untuk beradaptasi dengan sekitaran dan menghadapi masalah untuk bersosial dengan kanak-kanak lain. Semua ini berpunca daripada rasa tidak yakin terhadap guru untuk mengendalikan anak disebabkan oleh kurangnya latihan, sedangkan menerusi pendidikan inklusif separa, kanak-kanak berkeperluan khas ini mampu berinteraksi dan bersosial dengan lebih baik. Hal ini bukan sahaja merencatkan kemampuannya, tetapi juga bertentangan dengan prinsip *karamah insaniah*.

Dari perspektif perundangan Islam, alasan kekurangan guru terlatih tidak boleh dijadikan hujah untuk menafikan hak pendidikan murid dan menjejaskan *hifz al-'aql* kanak-kanak OKU, khususnya autisme (Khairul Effendi et al., 2022). Kanak-kanak OKU yang tidak dapat dilatih merupakan bentuk kezaliman terhadap *karamah insaniah*. Kanak-kanak ini perlu didedahkan dan diajar dengan perkara asas dalam agama dan perkara seperti ini tidak mungkin dicapai melainkan dengan pendidikan (JAKIM, 2019). Oleh itu, ekosistem sokongan, termasuklah guru yang berkemahiran, wajar disediakan oleh kerajaan dan pihak swasta. Dari sudut siasah syariah, kerajaan wajib melakukan intervensi perundangan di bawah Seksyen 41 Akta Pendidikan 1996 untuk mewajibkan modul latihan khas bagi semua guru aliran perdana dan swasta, sekali gus mengangkat kemudaratan (mafsadah) diskriminasi akibat kekurangan tenaga pengajar profesional.

Kegagalan untuk memberikan didikan yang bersesuaian bertentangan dengan prinsip taklif. Islam menetapkan bahawa tuntutan terhadap seseorang mestilah bersesuaian dengan tahap kemampuannya yang dinyatakan dalam Surah Al-Baqarah ayat 286.

Oleh itu, sekolah yang memfokuskan pemeliharaan gred purata semata-mata menyalahi matlamat hak asasi yang digariskan dalam Dasar Inklusif OKU negara dan prinsip keadilan Islam (al-'adl) yang menuntut penyantunan golongan lemah. Sewajarnya, kanak-kanak ini dipelihara dan dimuliakan haknya agar prinsip *karamah insaniah* yang menjadi hak setiap individu dapat direalisasikan.

Aspek pembelajaran digital juga perlu diteliti kerana arus pemodenan tidak pernah terhenti. Namun begitu, tahap kemiskinan masih lagi berada pada takuk yang sama. Dengan berdasarkan kaedah *tasarruf al-imam 'ala al-ra'iyyah manutun bi al-maslahah*, pemimpin atau kerajaan sewajarnya mengambil kira kemaslahatan rakyat dalam penentuan sesuatu dasar (Muhamad Zulfadli et al., 2020). Menerusi kaedah ini juga, kerajaan sewajarnya mempergiat usaha untuk memastikan ketidakmampuan capaian, khususnya dalam aspek teknologi dan infrastruktur, diatasi bagi memelihara hak kanak-kanak OKU ini. Oleh itu, menerusi konsep *masyaqqah tajlibal taysir*, perlu ada aplikasi atau perisian tertentu yang dapat membantu pelajar OKU, khususnya yang berpotensi untuk mengikuti kelas inklusif. Contohnya, perisian menggunakan teknologi multimedia yang membolehkan kanak-kanak OKU pendengaran meningkatkan kemahiran bahasa melalui sekitaran pembelajaran yang lebih interaktif (Siti Zaharah Mohid & Nor Azan Mat Zin, 2018).

Selain itu, Islam mendidik umatnya agar sentiasa beradab dan berbudi pekerti. Oleh itu, masyarakat sewajarnya dididik agar maruah insan dapat dipelihara (Mohd Ajib Ismail, 2023). Apabila rasa hormat dan adab terhadap kanak-kanak OKU ini hilang, pendedahan terhadap kes jenayah meningkat (UNICEF, 2017).

Menerusi perbincangan ini, cabaran yang dikenal pasti ini secara tidak langsung mencabar pelaksanaan Artikel 23 dan Artikel 28 dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), khususnya yang berkaitan dengan hak untuk mendapatkan pendidikan yang setara dan penyertaan sosial tanpa diskriminasi.

### **Kajian Kes Mahkamah**

Analisis terhadap perkembangan dalam kehakiman dan litigasi semasa merupakan instrumen kritikal bagi menilai tahap kemampuan doktrin perundangan sivil untuk melindungi hak Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK), khususnya dalam hak pendidikan inklusif. Penelitian ini bukan semata-mata untuk melihat keputusan kes, tetapi juga bertindak sebagai bukti empirial perundangan (judicial

recognition) yang mendedahkan lompang substantif dan percanggahan antara dasar bertulis dengan realiti pelaksanaannya di mahkamah. Dari perspektif perundangan Islam, kegagalan statut sivil untuk memberikan perlindungan yang konsisten sehingga memaksa pertikaian dibawa ke mahkamah menunjukkan bahawa terdapat unsur ketidakjelasan dalam teks undang-undang sedia ada. Ketidakjelasan untuk memahami acuan perundangan dan keperluan intervensi murid-murid OKU menyebabkan pertikaian undang-undang atau salah laku sosial (Zuliza Mohd Kusrin et al., 2023). Dalam kajian ini, terdapat dua kes yang dianalisis bagi membuktikan bahawa lompang perundangan sedia ada menimbulkan masyakah (kesukaran) terhadap kanak-kanak OKU dan institusi keluarga, sekali gus memerlukan reformasi perundangan yang holistik dan bersifat mengikat.

**Kes *Morgan Lanree Asing Lwn. Marie Yong Pik Hua & yang lain* [2024] MLJU 1516**

Dalam kes *Morgan Lanree Asing*, seorang kanak-kanak berkeperluan khas (OKU) menyaman pihak pentadbir dan sekolah swasta Maktab Nasional, Kota Kinabalu melalui bapanya, Lanree@Henry Asing. Kes ini merupakan rentetan litigasi paling signifikan yang mendedahkan kelompangan perundangan sivil berhubung dengan hak inklusif Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di sektor swasta.

Menerusi kes ini, plaintif dinafikan hak untuk mendaftar masuk ke kelas aliran perdana di sebuah sekolah swasta atas alasan teknikal, iaitu ketiadaan guru terlatih dan prasarana yang memadai di sekolah tersebut. Plaintif menduduki peperiksaan kelayakan dan lulus ujian. Kemudian, plaintif didaftarkan masuk ke Tingkatan 1 di Kelas Aliran Perdana. Namun begitu, pada 13 November 2019, Maktab Nasional ini menolak murid atas alasan bukan Sekolah Khas di bawah Akta Pendidikan 1996. Bapa plaintif ingin anaknya dididik di sekolah arus perdana selaras dengan preambul Akta Pendidikan 1996, iaitu “murid-murid hendaklah dididik mengikut kehendak ibu bapa mereka”.

Plaintif membina hujah berteraskan jaminan hak kesamarataan pendidikan di bawah Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 28(1) Akta Orang Kurang Upaya 2008 yang melarang diskriminasi berasaskan ketidakupayaan. Plaintif turut berhujah bahawa wujudnya pelanggaran kontrak yang sah apabila pihak sekolah membatalkan pendaftaran secara sepihak setelah deposit kemasukan diterima. Namun begitu, hal ini dibidas oleh defendan berhujah dengan menyatakan bahawa Surat Kementerian Pendidikan Malaysia mengesahkan bahawa sekolah

swasta aliran perdana bukan sekolah khas di bawah Subseksyen 34(1)(b) dan Seksyen 2 Akta Pendidikan 1996. Oleh itu, Maktab Nasional ini tidak mempunyai mandat atau kelulusan untuk menyediakan pendidikan khas. Menerusi Akta Pendidikan 1996, Seksyen 41 dinyatakan bahawa hanya sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan yang diluluskan oleh menteri dibenarkan untuk mengadakan kelas pendidikan khas.

Dalam keputusannya, mahkamah berpihak kepada defendan. Hakim mentafsirkan secara tegar (*strict construction*) bahawa Seksyen 34(1)(b) perlu dibaca bersama-sama dengan Seksyen 40 Akta Pendidikan 1996 yang hanya meletakkan obligasi penyediaan pendidikan khas kepada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Ketiadaan peruntukan nyata dalam Akta Pendidikan yang membenarkan sekolah swasta untuk menyediakan pendidikan khas dianggap sebagai ketiadaan obligasi undang-undang. Status OKU plaintif juga membuktikan bahawa plaintif merupakan murid berkeperluan khas walaupun ingin dianggap sebagai pelajar biasa.

Keputusan kes ini mendedahkan ketegangan fundamental antara dasar pendidikan inklusif dengan kerangka undang-undang sedia ada. Tafsiran mahkamah yang mengasingkan status OKU plaintif daripada kelayakan akademiknya membuktikan bahawa spektrum ketidakupayaan masih dilihat dalam skop perubatan yang sempit berbanding dengan model berasaskan hak. Dalam hal ini, konflik antara Akta OKU 2008 dengan Akta Pendidikan 1996 tidak dapat diselesaikan secara tuntas. Mahkamah pula hanya menumpukan Akta Pendidikan 1996 semata-mata tanpa menghuraikan cara peruntukan Akta OKU 2008 yang jelas lebih luas skopnya, iaitu meliputi semua penyedia pendidikan dan Akta Pendidikan 1996 yang membezakan antara sekolah khas dengan sekolah biasa, sepatutnya berinteraksi. Hal ini secara tidak langsung mengukuhkan hujah bahawa kerangka statutori di Malaysia berada dalam “kawasan kelabu” (Noor Afiqah Ismail et al., 2023). Hal ini dikatakan demikian kerana mahkamah hanya menyelesaikan kes melalui satu akta, iaitu Akta Pendidikan 1996. Hal ini menimbulkan persoalan, sama ada Akta OKU 2008 dapat mengatasi atau menambah kewajipan yang tiada dalam Akta Pendidikan bagi sekolah swasta.

Dari sudut perundangan Islam, senario kes ini mencerminkan kewujudan *jahalalah* (ketidakjelasan) struktur statut sivil yang memisahkan tanggungjawab sekolah swasta daripada Sistem Pendidikan Kebangsaan. Dengan berteraskan prinsip *raf’ al-jahalalah* (menghilangkan ketidakjelasan), sebarang undang-undang yang melibatkan hak asasi awam wajib digubal secara tuntas bagi mengelakkan diskriminasi. Penolakan murid atas alasan ketiadaan guru terlatih jelas menunjukkan

bahawa ketikdaksediaan guru hanya mendatangkan masyakah (kesukaran) terhadap insitusi keluarga (Maryam Mardhiyah & M. Khalid, 2026). Oleh itu, keadaan ini memerlukan campur tangan perundangan berasaskan siasah syariah untuk mewajibkan amalan inklusif dalam sektor swasta.

***Kes Muhammad Adam Yusoff Lwn. Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Seksyen 17 Shah Alam & yang lain [2025] MLJU 3116***

Dimensi kegagalan perlindungan kebajikan, hak pendidikan berkualiti dan jaminan keselamatan pada peringkat sekolah kerajaan dapat dilihat menerusi kes *Muhammad Adam Yusoff* [2025]. Plaintiff ialah remaja OKU yang didiagnosis dengan ADHD (Attention Deficit Hyperactive Disorder), sindrom asperger (spektrum autisme) dan kecacatan fizikal pada anggota kaki. Plaintiff menfailkan tindakan undang-undang terhadap sebuah sekolah khas kerajaan.

Dalam kes ini, plaintiff membuat dua tuntutan, iaitu dalam kes kecuai sistemik pihak sekolah yang gagal mengekang isu buli dan serangan fizikal terhadapnya di kawasan asrama dan kes kegagalan untuk menyediakan pendidikan berkualiti setaraf dengan keperluan khas. Ibu plaintiff mendakwa bahawa dirinya berulang kali melaporkan kejadian tersebut kepada pihak sekolah, namun tiada tindakan diambil. Pelajar OKU berhak untuk mendapatkan pendidikan berkualiti yang disesuaikan dengan keperluan khas. Kegagalan untuk menyediakan pelan pendidikan individu yang berkesan pula ialah pelanggaran undang-undang.

Namun begitu, hujah ini disangkal apabila pihak plaintiff gagal untuk mengemukakan beban pembuktian yang kukuh di mahkamah. Mahkamah rayuan sebulat suara menolak rayuan plaintiff atas faktor teknikal pembuktian kerana plaintiff tidak memberikan keterangan secara langsung, jurnal atau nota yang ditulis dianggap khabar angin, siasatan polis berakhir dengan NFA (no further action), rakaman audio hanya menunjukkan ancaman bukan serangan dan tiada kesan lebam yang jelas kelihatan dalam laporan perubatan.

Walau bagaimanapun, dari sudut merit perundangan hak OKU, mahkamah rayuan mencatatkan satu penemuan (judicial breakthrough), iaitu mahkamah secara rasmi mengiktiraf bahawa Seksyen 28 Akta OKU 2008 mewujudkan kewajipan undang-undang (statutory duty) terhadap pihak sekolah untuk menyediakan pendidikan berkualiti yang sesuai dengan keperluan pelajar OKU, sekali gus membetulkan khilaf tafsiran mahkamah tinggi sebelum itu. Mahkamah tinggi pada asalnya mendapati bahawa tiada peruntukan undang-undang yang menyokong

hujah bahawa pihak sekolah mempunyai kewajipan untuk menyediakan pendidikan, kemudahan dan perkhidmatan khas yang bersesuaian dengan keperluan pelajar berkeperluan khas. Dengan erti kata lain, mahkamah tinggi menafikan kewajipan sah (legal obligation) terhadap sekolah di bawah Seksyen 28 Akta OKU 2008 seolah-olah peruntukan tersebut hanya bersifat galakan dan bukan kewajipan yang perlu dikuatkuasakan. Meskipun terdapat kekhilafan, mahkamah menegaskan bahawa prinsip pengasingan kuasa, iaitu kecukupan dasar dan tahap pendidikan ialah bidang kuasa legislatif dan eksekutif, bukannya kehakiman. Hal ini menghadkan skop semakan kehakiman terhadap kualiti pendidikan khas walaupun terdapat peruntukan undang-undang yang jelas.

Kes ini menyerlahkan konflik dalaman dalam ekosistem pendidikan khas. Dari satu sudut, undang-undang mengiktiraf hak pendidikan berkualiti, namun dari sudut lain, pembuktian sivil dan kekangan semakan kehakiman menyebabkan hak tersebut sukar dituntut apabila berlaku pengabaian. Hal ini membuktikan hujah Zuliza Mohd Kusrin et al. (2023), iaitu kegagalan untuk memahami dan menguruskan pelajar OKU, khususnya autisme atau ADHD di sekolah khas, mencetuskan salah laku sosial dan ancaman keselamatan.

Dari aspek jurisprudens Islam, kewajipan untuk menyediakan sekitaran yang selamat dan pendidikan berkualiti bagi kanak-kanak OKU berpaksikan *hifz al-'aql* dan *hifz al-nafs*. Kelestarian intelek kanak-kanak OKU ialah amanah syarak yang berada di bawah tanggungjawab kolektif (fardu kifayah). Penderitaan emosi yang dialami oleh plaintif disebabkan oleh isu buli dan kegagalan pelan akademik merupakan suatu bentuk masyakah yang memerlukan pengaplikasian kaedah *masyaqqah tajlib al-taysir*. Bahkan, pelibatan Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai responden ketiga dan Kerajaan Malaysia sebagai responden keempat mencerminkan kesan Seksyen 41 Akta OKU 2008 yang memberikan imuniti kepada kerajaan daripada tindakan mahkamah (Mohd Izzuddin Mohd Pisol et al., 2024). Hal ini sekali gus menyerlahkan percanggahan dengan prinsip *tasarruf al-imam manutun bil maslahah* kerana ketiadaan mekanisme akauntabiliti undang-undang yang jelas terhadap pihak kerajaan yang melemahkan ikatan sebenar antara pemerintah dengan masalah rakyat meskipun mahkamah mengiktiraf kewajipan statutori di bawah Seksyen 28 Akta OKU 2008.

## KESIMPULAN

Hak asasi dalam pendidikan inklusif ialah manifestasi praktikal prinsip pendidikan untuk semua (education for all) yang dipromosikan oleh

UNESCO dan selari dengan tanggungjawab kerajaan dan masyarakat yang dituntut dalam Islam. Hal ini bagi memastikan *karamah insaniah* setiap individu terpelihara dan peluang pendidikan yang lebih adil terjamin. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa cabaran pelaksanaan pendidikan inklusif berakar daripada kelemahan struktur perundangan sivil seperti yang dijelaskan menerusi analisis kes *Morgan Lanree Asing* [2024] *MLJU* 1516, yang mengesahkan bahawa ketiadaan kewajipan statutori terhadap sekolah swasta di bawah Akta Pendidikan 1996 menyebabkan kes ini ditolak. Dalam kes *Muhammad Adam Yusoff* [2025] *MLJU* 3116 pula, terdapat penemuan bahawa Seksyen 28 Akta OKU 2008 mempunyai kewajipan statutori yang sah terhadap penyedia pendidikan. Malah, prinsip pengasingan kuasa yang dipegang oleh mahkamah turut mengehendkan keupayaan kehakiman untuk menilai dasar dan piawaian pendidikan khas secara substantif. Dari perspektif syarak, pengkaji mendapati bahawa prinsip maqasid syariah, seperti penjagaan akal (*hifz al-'aql*) dan penjagaan diri (*hifz al-nafs*), wajar menjadi asas hak pendidikan OKU untuk merealisasikan konsep *karamah insaniah*. Peranan kerajaan dalam tadbir urus wajib dilaksanakan berdasarkan kaedah *tasarruf al-imam manutun bil maslahah*. Bagi memperkasakan dari konteks syarak, pengaplikasian *masyaqqah tajlib al-taysir* memerlukan penyelarasan munasabah bagi memelihara masalah dan mengelakkan mafsadah pelajar OKU ini dari aspek keupayaan individu. Namun begitu, hal ini terganggu oleh isu dasar, infrastruktur, kesedaran pemegang taruh dan latihan tenaga pengajar yang tidak konsisten. Oleh itu, pengkaji mencadangkan penambahbaikan perundangan bagi memastikan hak pendidikan inklusif kanak-kanak OKU dapat direalisasikan secara praktikal supaya manfaat tersebut dapat dinikmati oleh kanak-kanak OKU.

## PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

## SUMBANGAN PENGARANG

Nurul Farhanah Syazwani Mohd Zaki: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis, penginterpretasian hasil, penulisan makalah, penyediaan makalah, penyediaan makalah akhir, dan penghantaran manuskrip akhir; Zaini Nasohah: Konsep dan reka bentuk kajian, penulisan makalah, semakan dan pengesahan makalah akhir.

## PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

## PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

## PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

## RUJUKAN

- Ainaa Hamdan, Ain Bustaman, Alif Zulkafli, & Azimah. (2023). Halangan yang ditempuh oleh guru aliran perdana Malaysia dalam melaksanakan program pendidikan inklusif. [https://www.researchgate.net/publication/371285692\\_HALANGAN\\_YANG\\_DITEMPUHI\\_OLEH\\_GURU\\_ALIRAN\\_PERDANA\\_DI\\_MALAYSIA\\_DALAM\\_MELAKSANAKAN\\_PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF](https://www.researchgate.net/publication/371285692_HALANGAN_YANG_DITEMPUHI_OLEH_GURU_ALIRAN_PERDANA_DI_MALAYSIA_DALAM_MELAKSANAKAN_PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF)
- Aizan Sofia Amin, Jamiah Manap, & Noremy Md Akhir. (2017). Peranan keluarga dalam kehidupan kanak-kanak kurang upaya di Malaysia. *Akademika*, 86(1), 21–30. <http://ejournal.ukm.my/akademika/issue/view/770>
- Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611).
- Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685).
- Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).
- Al-Ghazali. (2013). *Al-mustasfa min 'ilm al-usul*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Anon. (2002). The Special Educational Needs and Disability Act (SENDA) 2001: An introduction to the new legislation from Skill: national bureau for students with disabilities. *Planet*, 6(1), 4–5. <https://doi.org/10.11120/plan.2002.00060004>
- Awang Nib Zuhairi Awang Ahmad, Hadenan Towpek, & Abdul Razak Abdul Kadir. (2022). Kepentingan siyasah syar'iyah untuk membentuk dasar kesejahteraan keluarga dalam negara bermasyarakat majmuk. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*. 5(1). <https://doi.org/10.24191/ejitu.v5i1.7239>
- Azman Ab Rahman, Hairulfazli Mohammad Som, Norakyairee Mohd Raus, & Adnan Mohamed Yusoff. (2022). Fiqh siyasah syar'iyah dalam komuniti orang kurang upaya (OKU) di Malaysia. Dlm. *Prosiding 6th Muzakarah Fiqh & International Conference 2022 (6th MFIFC 2022)* (hlm. 438–445). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. <https://conference.uis.edu.my/mfifc/images/e-proceeding2022/1072-HAIRULFAZLI.pdf>
- Bailey, L., Nomanbhoy, N., & Tubpun, T. (2015). Inclusive education: Teacher perspectives from Malaysia. *International Journal of Inclusive Education*, 19(5), 547–559. <https://doi.org/10.1080/13603116.2014.957739>

- Boumenad Hajer. (2022). Haqq al-atfal dhawi al-i'qah fi al-ta'lim wa istijabah al-duwal li daman istimrariyyatihi khilal ja'ihat kufid-19. *Majallah al-Ijtihad al-Qada'I*, 14(30), 203–216. <https://asjp.cerist.dz/en/article/203124>
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Currie, G. (2009). Australian urban transport and social disadvantage. *Australian Economic Review*, 42(2), 201–208. <https://doi.org/10.1111/j.1467-8462.2009.00549.x>
- Denzin, N. K. (2017). *The research act: A theoretical introduction to sociological methods*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315134543>
- Edmund S. S. Chan, Sammy K. Ho, Flora F. L. Ip., & Marina W. Y. Wong. (2020). Self-efficacy, work engagement, and job satisfaction among teaching assistants in Hong Kong's inclusive education. *SAGE Open*, 10(3), 1–13. <https://doi.org/10.1177/2158244020941008>
- Eris Risnawati, & Sunardi. (2019). Inclusive education paradigm in Islam. Dlm. *Proceedings of the 3rd International Conference on Special Education* (hlm. 57–60). SEAMEO Regional Centre for Special Educational Needs. <https://publication.seameosen.edu.my/index.php/icse/article/view/209/212>
- Erwin Hari Kurniawan, & Fitria Rizki. (2025). The imperative of inclusive education in Islam: An analysis of the rights of children with special needs through the lens of maqasid al-shari'ah. *VRISPRAAK: Journal of Islamic Sharia and Law*, 9(2), 107–116. <https://doi.org/10.59689/tc05rf80>
- Filipe Couto. (2026). Global perspectives on inclusive and special education: An analysis of international policy frameworks. *International Journal of Development Research*, 16(1), 69744–69747. <https://doi.org/10.37118/ijdr.30385.01.2026>
- Hasnah Toran, Jennifer Westover, Sazlina Kamarulzaman, Suziyani Mohamed, & Mohd Hanafi M. Yasin. (2016). The preparation, knowledge and self reported competency of special education teachers regarding students with autism. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 25, 185–196. <https://ptstdigital.ukm.my/jspui/handle/123456789/578538>
- Hazlin Falina Rosli, Wan Amizah Wan Mahmud, & Maizatul Haizan Mahbob. (2017). Realiti penerimaan masyarakat terhadap orang kelainan upaya (OKU) di Malaysia dari perspektif media. Dlm. *Proceedings of the International Conference on Media and Communication 2017* (hlm. 1–12). Marriott Putrajaya. [https://www.researchgate.net/publication/322156544\\_REALITI\\_PENERIMAAN\\_MASYARAKAT\\_TERHADAP\\_ORANG\\_KELAINAN\\_UPAYA\\_OKU\\_DI\\_MALAYSIA\\_DARI\\_PERSPEKTIF\\_MEDIA](https://www.researchgate.net/publication/322156544_REALITI_PENERIMAAN_MASYARAKAT_TERHADAP_ORANG_KELAINAN_UPAYA_OKU_DI_MALAYSIA_DARI_PERSPEKTIF_MEDIA)
- Hazlina Abdullah, Nursyuhada' Ab Wahab, Dini Farhana Baharudin, Myra Aidrin Mohd Ali, Zarina Ashikin Zakaria, Rahimah Saimin, & Norhana Abdullah. (2026). Special education for children with learning disabilities: Parental views. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 11(1), 276–290. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol11iss1pp276-290>

- Honu-Mensah, C. M., Fobi, D., & Quansah, B. (2024). Developing an understanding of parent–teacher partnerships in schools for the deaf in Ghana. *International Journal of Disability, Development and Education*, 71(2), 208–221. <https://doi.org/10.1080/1034912X.2022.2092601>
- Institut Kefahaman Islam Malaysia. (2020). *Kepentingan dasar inklusif OKU*. <https://www.ikim.gov.my/kepentingan-dasar-inklusif-oku/>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2019). *Buku konsep rahmah dalam pengurusan OKU*. <https://www.islam.gov.my>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2024). *Di sebalik kepayahan ada rahmat: Menelusuri taysir dan masyaqqah dalam bingkai maqasid*. <https://www.islam.gov.my/ms/berita/4771-di-sebalik-kepayahan-ada-rahmat-menelusuri-taysir-dan-masyaqqah-dalam-bingkai-maqasid>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013–2025*. <https://www.moe.gov.my/storage/files/shares/Dasar/PPPM/Pelan%20Pembangunan%20Pendidikan%202013%20-%202025%20Prasekolah%20-%20Lepas%20Menengah.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Program pendidikan inklusif*. <https://www.moe.gov.my/program-pendidikan-inklusif>
- Khairul Effendi, Nasharuddin Mohammad, & Norakyairee Mohd Raus. (2022). Kelestarian pendidikan anak kurang upaya: Pandangan daripada perspektif maqasid syariah memelihara akal dan intelektual (*hifz aqli*). *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 5(2), 29–38 <https://doi.org/10.24191/ejitu.v5i2.6064>
- Krippendorff, K. (2004). *Content analysis: An introduction to its methodology* (ed. ke-3). Sage Publications. <https://web.stanford.edu/class/comm11a/readings/krippendorff-ch1and4.pdf>
- Maizatul Akmal Mohd Ranai. (2025). “Am I doing enough?”: A qualitative study on the experiences of parents of children with dyslexia in the UK and Malaysia [Tesis kedoktoran, Cardiff University]. <https://orca.cardiff.ac.uk/id/eprint/181453/13/Thesis%20final%20submission.pdf>
- Mardia Mazri, Zubair Amir, Sa’adan Man, & Norhidayah Pauzi. (2024). Aplikasi kaedah *al-mashaqqah tajlib al-taysir* dalam pengurusan ibadah pesakit skizoafektif. *Al-Qanatir*, 33(5), 1–12. <https://www.al-qanatir.com/aq/article/view/839>
- Mohd Ajib Ismail. (2023). Pelihara adab, hormati sesama manusia. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2023/06/973656/pelihara-adab-hormati-sesama-manusia>
- Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Norhisham Muhammad, Hazlin Falina Rosli, Zetty Nurzuliana Rashed, Zur’ain Harun, Muhammad Najib Abdul Halim, & Norakyairee Mohd Raus. (2024). Model ekosistem pendidikan orang kelainan upaya: Analisa tinjauan dokumen. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 8(1), 198–208. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v8i1.201>

- Mohd Ramizu Abdullah @ Zakaria, Syukri Yahya, Maryam Mardhiyah Zainudin, Nur Athirah Maiddin, & Azmi Syukri Zarkasyi. (2025). Inclusive education for children with autism from the perspective of maqasid syariah. *Journal of Revealed Knowledge (Rabbanica)*, 6(2), 53–68. <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/398/294>
- Morgan Lanree Asing & satu lagi lwn. Marie Yong Pik Hua & yang lain [2024] MLJU 1516.
- Muddathir ‘Abd Rahim. (2014). *Hak asasi kemanusiaan dalam tradisi Islam*. Allied Coordinating Committee of Islamic NGO (ACCIN).
- Muhamad Zulfadli, Mohammad Taqiuddin, & Muhammad Shamshinor. (2020). Islam dan pembasmian kemiskinan bandar. *Jurnal Syariah*, 28(3), 461–500. <https://doi.org/10.22452/js.vol28no3.5>
- Muhammad Adam Yusoff Abdul Hafiz & satu lagi lwn. Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Seksyen 17 Shah Alam & yang lain [2025] MLJU 3116.
- Muhammad Fikri Othman, & Nur Ezan Rahmat. (2020). Is educational right of children with disabilities in Malaysia protected? *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 9, 33–41 [https://www.ijewed.com/wp-content/uploads/2020/04/PICCWED9\\_04.pdf](https://www.ijewed.com/wp-content/uploads/2020/04/PICCWED9_04.pdf)
- Muhammad Fikri Othman, Nur Ezan Rahmat, Norazlina Abdul Aziz, Nora Abdul Hak, & Diyana Kamarudin. (2022). Children with disabilities in Malaysia and their educational rights. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11(2), 360–372. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARPED/v11-i2/12986>
- Muhammad Fikri Othman. (2023). *Proposing a comprehensive legal framework of special education for children with disabilities in Malaysia* [Tesis kedoktoran, Universiti Teknologi MARA]. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/106812/>
- Nazrah Jamaludin, & Kama Shaffeei. 2023. Meneroka cabaran interaksi sosial guru perdana dalam pengajaran ke atas murid inklusif di aliran perdana. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(Isu khas), 45–54. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp.4.2023>
- Noor Afiqah Ismail, Nandhi Arumugam, & Li Tinting. (2023). Legal framework on special education for children with disabilities: Position in Malaysia and China. *Current Legal Issues*, 5, 70–87. <https://www.ukm.my/cli/2023-5-cli/>
- Norazlinda Saad. (2007). Meritokrasi: Faktor sosioekonomi dan peluang pendidikan tinggi. [https://www.researchgate.net/publication/327435662\\_Meritokrasi\\_Faktor\\_sosio\\_ekonomi\\_dan\\_peluang\\_pendidikan\\_tinggi](https://www.researchgate.net/publication/327435662_Meritokrasi_Faktor_sosio_ekonomi_dan_peluang_pendidikan_tinggi)
- Norsaadah Din, Hasliza Talib, Siti Zaleha Ibrahim, & Sri Andayani. (2019). Hubungan sosial masyarakat terhadap orang kurang upaya di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 6(6), 279–291. <https://jsass.uis.edu.my/index.php/jsass/article/view/96>
- Nur Afini Natrah Mohd Ashril, Ken Nee Chee, & Noraffandy Yahaya. (2025). Barriers, strategies and accessibility: Enhancing engagement and retention of

- learners with disabilities in MOOCs – A systematic literature review (SLR). *International Journal of Human-Computer Interaction*, 41(14), 8846–8857. <https://doi.org/10.1080/10447318.2024.2414892>
- Nur Dayana Mohd Khalil, Azizah Mohd Rapini, Zanariah Dimon, Nora'nan Bahari, Nawal Sholehuddin, & Nurhidayah Muhammad Hashim. (2023). Peranan NGO sebagai sistem sokongan pembangunan keluarga Islam golongan OKU pendengaran: Satu tinjauan ringkas. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(1), 42–48. <https://doi.org/10.53840/jpi.v16i1.252>
- Nurul Anisah Jaafar, Nor Azlin Mohd Nordin, & Syed Mohamed Aljunid. (2021). Keberhasilan pemulihan dalam komuniti dan faktor berkaitan dengannya dalam kalangan kanak-kanak kurang upaya di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 19(1), 177–185. <http://dx.doi.org/10.17576/JSKM-2021-1901-19>
- Ocampo, J. S., Noor Aini Ahmad, & Abdul Rahim Razalli. (2019). Inclusion: The facilitation of ensuring education for all. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(5), 1015–1024. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v9-i5/7014>
- Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013. P.U. (A) 230.
- Ratnawati Mohd Asraf, Tahraoui Ramdane Murad, & Almasa Mulalic. (2026). Inclusive education as a maqāsidic obligation: Addressing the needs of students with learning disabilities in light of *ḥifẓ al-'aql*. *Al-Shajarah Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)*, 31(1), 56–85. <https://doi.org/10.31436/shajarah.v31i1.2335>
- Saadiah Ismail. (2023, 8 Disember). Konsep 'karamah insaniah' tunjang kurikulum persekolahan 2027. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2023/12/1186632/konsep-karamah-insaniah-tunjang-kurikulum-persekolahan-2027>
- Shadiya Mohamed Baqutayan, S. A. Shamsul Khalil, Nurakmal Baharum, & Norihan Abu Hassan. (2016). Special education for children with disabilities: A review of the current policy and practice in Malaysia. *Journal of Advanced Review on Scientific Research*, 25(1), 361–372. [https://www.akademiabaru.com/doc/ARSRV25\\_N1\\_P1\\_10.pdf](https://www.akademiabaru.com/doc/ARSRV25_N1_P1_10.pdf)
- Shahidra Abdul Khalil. (2022). Pendekatan *siyasah syar'iyah* dalam menangani isu perundangan jenayah semasa di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 19(2), 157–188. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol19no2.2>
- Shamim Husna Sharizal, Nurfatini Alya Ahmad Sallehudins, & Rachel Decruz. (2024). Access to education: Specific analysis of people with disabilities. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 36(2), 307–334. <http://jurnal.dbp.my/index.php/Kanun/article/view/8901>
- Siti Zaharah Mohid, & Nor Azan Mat Zin. (2018). Reka bentuk ketercapaian perisian kanak-kanak OKU pendengaran. Dlm. N. A. Kharman Shah, A. W. Abdul Wahab, M. R. Z'aba, C. W. S. B. C. W. Ahmad, A. Mat Jasin, S.

- Mohammad, N. Khan, N. I. Yaacob, & K. Abd Rahman (Eds.), *Proceeding of the 4th International Conference on Information Technology & Society (IC-ITS'18)* Fakulti Sains & Teknologi Maklumat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. <http://fstm.kuis.edu.my/icits/18/e proceeding/assets/files/ITS4-020%20REKA%20BENTUK%20KETERCAPAIAN%20PERISIAN%20KANAK-KANAK%20OKU%20PENDENGARAN.pdf>
- Social Exclusion Unit. (2003). *Making the connections: Final report on transport and social exclusion*. [https://www.ilo.org/sites/default/files/wcmsp5/groups/public/%40ed\\_emp/%40emp\\_policy/%40invest/documents/publication/wcms\\_asist\\_8210.pdf](https://www.ilo.org/sites/default/files/wcmsp5/groups/public/%40ed_emp/%40emp_policy/%40invest/documents/publication/wcms_asist_8210.pdf)
- Suzita Samsudin, & Aliza Alias. (2021). Pengetahuan terhadap disklesia dalam kalangan ibu bapa di sebuah sekolah rendah. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5(1), 201–213. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.116>
- Syed Shahr idzan Syed Mohamed. (2022). Kedudukan taklif dalam pelaksanaan ibadat bagi OKU masalah pembelajaran, pelbagai dan mental. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(4), 126–151. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no4.467>
- UNESCO. (2020). *Inclusion and education: All means all*. UNESCO. <https://www.unesco.org/gem-report/en/publication/2020-inclusion-and-education-all-means-all>
- UNICEF. (2017). *Children with disabilities in Malaysia: Mapping the policies*. <https://www.unicef.org/malaysia/>.
- Wikhdaton Khasanah. (2021). Kewajiban menuntut ilmu dalam Islam. *Jurnal Riset Agama*, 1(2), 296–307. <https://doi.org/10.15575/jra.v1i2.14568>
- Zuliza Mohd Kusrin, Abraham Roseliza-murni, Wafaa Yusof, Zaini Nasohah, Mohd Al Adib Samuri, Nurul Ilyana Muhd Adnan, & Zahidah Dahalan. (2023). People with autism and the propensity for law- breaking: A special education teachers' perspective. *Journal of Legal Studies*, 14(2), 509–533. <https://doi.org/10.32890/uumjls2023.14.2.4>
- Zuliza Mohd Kusrin, Zahidah Dahalan, Wafaa' Yusof, & AbRahman Roseliza-Murni. (2021). Kecenderungan peri laku individu autisme dalam pelanggaran undang-undang: Satu perspektif di kalangan guru pendidikan khas di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 184–197. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol26no2.410>